

# **KURIKULUM KURSUS PENGUKURAN KESEJAHTERAAN PENDUDUK BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL GRED 41 – 54**

## **1. SINOPSIS KURSUS**

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan peserta melalui pendedahan kepada konsep dan definisi yang berkaitan dengan kesejahteraan penduduk. Kursus ini juga dapat menjelaskan langkah-langkah, kaedah serta teknik untuk mengira indikator yang berkaitan dengan kemiskinan seperti kadar miskin, Paras Garis Kemiskinan, Koefisien Gini dan *inequality* dengan menggunakan perisian STATA berdasarkan kepada data Pendapatan Isi Rumah. Melalui kursus ini juga, peserta dapat mengetahui ciri-ciri dan profil isi rumah miskin serta memahami penyebab kepada kemiskinan.

## **2. OBJEKTIF KURSUS**

- i. Memberikan penerangan berkenaan semua konsep dan definisi yang berkaitan dengan kesejahteraan penduduk (kemiskinan);
- ii. Menerangkan langkah-langkah untuk mengukur indikator yang berkaitan dengan kemiskinan dan mengaplikasikan kaedah dan teknik pengukuran indikator tersebut seperti Kadar Kemiskinan, Paras Garis Kemiskinan, Koefisien Gini dan *inequality* daripada data Pendapatan isi rumah dengan menggunakan perisian STATA;
- iii. Menjelaskan kepada peserta bagaimana hendak membangunkan profil kemiskinan dan ciri-cirinya.

## **3. TEMPOH/MASA**

- i. Tempoh : 4 hari
- ii. Masa : 8.00 pagi – 5.00 petang

## **4. KUMPULAN SASARAN**

Pegawai Gred 41 – 54

## 5. METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- i. Kuliah
- ii. Latih amal
- iii. Perbincangan secara berkumpulan berasaskan masalah (*problem base learning*).